

Sinar Harian Online

KPKT kaji semula hukuman kes sampah haram, pembakaran terbuka

[ROSLINDA HASHIM | 10 Februari 2020](#)



Raja Kamarul Bahrin (tiga dari kanan) dan Kok Yew (tiga dari kiri) merakamkan kenangan di bingkai gambar gergasi 'Frame Of Alor Setar' di Dataran Medan Bandar sebelum perasmian program jalinan kerjasama 'let's do it right' hari ini.

ALOR SETAR - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang mengkaji semula hukuman dan penalti terhadap pihak yang dikesan melonggokkan sampah di tapak pelupusan sampah haram termasuk individu yang terlibat dalam pembakaran sampah secara terbuka.

Timbalan Menteri, Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah berkata, isu berkenaan dipandang serius kerana melibatkan kos yang tinggi untuk kerja-kerja pemadaman dan pembersihan tapak.

Menurutnya, ramai pihak yang tidak endah menyebabkan pihaknya akan meneliti semula hukuman sedia ada sebagai pengajaran bagi mengelak kes berulang.

"Ada pihak pandang remeh kerana mereka mampu bayar dan mengulangi kesalahan itu. Kita perlu kaji semula hukuman agar pihak terlibat dibawa ke muka pengadilan.

"Kes ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia antara punca pencemaran alam sekitar," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program jalinan kerjasama 'let's do it right' peringkat negeri Kedah anjuran SWCorp Negeri Kedah dengan kerjasama Environment Idaman Sdn Bhd di sini hari ini.